

CNS6415

U GB 13-10 00203 BH649

aab

PUNGUTAN SUARA DI SABAH TIDAK PERLU, KATA PERDANA MENTERI

Mahathir - Sabah

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pungutan suara untuk mengkaji semula kuasa kerajaan negeri Sabah dan Sarawak tidak perlu diadakan kerana ia boleh mewujudkan suasana tegang di negara ini.

Katanya kerajaan Sabah sengaja menimbulkan isu pungutan suara itu untuk membangkitkan kebencian rakyat negeri itu kepada kerajaan persekutuan.

+Kalau kita benarkan Sabah mengadakan pungutan suara apabila sesuatu kajian hendak dibuat, negeri-negeri lain juga akan menuntut untuk mengadakan pungutan suara... akhirnya negara ini akan menjadi kacau-bilau seperti apa yang dialami oleh Yugoslavia sekarang, + katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini sebelum berlepas ke Hong Kong.

Dr Mahathir berkata sebenarnya kerajaan Sabah, pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan, itu cuba mengasingkan negeri itu.

+Bila kita kata sesuatu tentang negeri itu, mereka (kerajaan Sabah) menuduh kita cuba memisahkan negeri itu tetapi sebenarnya mereka yang cuba berbuat begitu, + katanya semasa di minta mengulas kenyataan Pairin supaya pungutan suara diadakan sekiranya kerajaan persekutuan mahu mengkaji kuasa kerajaan Sabah dan Sarawak.

+Mungkin ada juga rakyat akan meminta satu pungutan suara diadakan kerana tidak mahu Sabah dalam Persekutuan Malaysia, + katanya. -- Lagi

♥13/10/12-23MST

R GB 13-10 001'76 BH650

bah

Mahathir-Sabah 2 Kuala Lumpur

Sabtu lepas, Perdana Menteri berkata bahawa kuasa yang diberikan kepada kerajaan Sabah dan Sarawak perlu dikaji semula kerana ia tidak pernah dilakukan walaupun sepatutnya diadakan setiap 10 tahun dengan tujuan mengukuhkan integrasi antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

Bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang turut berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri, berkata sudah sampai masanya satu kajian tentang kuasa-kuasa itu diadakan dan ia tidak perlu melalui proses pungutan suara.

+Kajian ini boleh dibuat melalui perbincangan antara pemimpin negeri dan persekutuan, + katanya.

Datu Mustapha berkata kajian itu bermaksud baik bagi perpaduan rakyat serta integrasi nasional dan menghidarkan kewujudan pemerintah kuku besi.

Katanya Pairin mahukan pungutan suara itu untuk memperjelaskan konsep +Sabah untuk rakyat Sabah+ dan +Malaysia untuk rakyat Malaysia+.

Mengenai kenyataan Gabenor Bank Negara Tan Sri Jaffar Hussein bahawa graduan negara ini kurang mahir menguasai bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata penekanan terhadap bahasa kedua itu adalah penting. -- Lagi

♥13/10/12-34MST

Perdana Menteri berkata bahasa Inggeris penting dalam dunia perniagaan dan ia perlu dipelajari dengan bersungguh-sungguh selagi ia menjadi bahasa komersil.

+Sebenarnya tidak sukar untuk mempelajari bahasa Inggeris, kita hanya perlu membaca banyak buku bahasa Inggeris,+ katanpa.

Dalam lawatannya Hong Kong dan Jepun selama 10 hari itu, Dr Mahathir akan menghadiri forum Ekonomi Eropah/Asia Timur selain menyampaikan ucapan di Kelab Wartawan Asing Hong Kong.

Perdana Menteri berka ta dalam ucapannya di forum i tu, beliau akan menyentuh tentang perlunya Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Xatanya lawatan tidak rasminya ke Jeyun adalah untuk menemui usahawan-usahawan Jepun dan berbincang dengan mereka mengenai pelaburan, selain melawat beberapa industri di negara itu.

Beliau juga akan menemui rakan sejawatannya, Ki.ichi Miyazawa, dan bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone. -- Bernama